جِلَاءُ العَيْنَيْنِ

بِتَرْجَمَةِ اعْتِقَادِ أَبِي زُرْعَةَ وَأَبِي حَاتِمٍ الرَّازِيَيْنِ

Akidah Sekalian Ahli Hadis

Terjemahan Akidah Abu Zur'ah dan Abu Hatim al-Raziyayn

menerusi riwayat

'Abd al-Rahman ibn Abi Hatim al-Razi

(240H-347H)

“Abū Zur‘ah al-Rāzī dan Abū Ḥātim al-Rāzī;
Kedua-duanya merupakan imam Khurāsān!
Semoga Allah memelihara mereka berdua,
Kehidupan mereka berdua merupakan sebab bagi segala kebaikan buat umat Islām!”

– ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad al-Qazwīnī al-Qāḍī;
al-Jarḥ wa al-Ta’dīl, ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Ḥātim, h. 334.

Isi Kandungan

Kata Pengantar I
Us. Asrie Sobri

بسم الله الرحمن الرحيم

(عقيدة الرازيين) مروڤاکن ساله ساتو کتاب
يڠ ڤنتيڠ منرڠکن ڤڬڠن أهل السنة والجماعة،
ترجمهن متن عقيدة اين کبهاس ملايو مروڤاکن
اوسها يڠ ساڠت دألو-ألوکن کران ککوراڠن
سومبر روجوعکن دالم عقيدة يڠ صحيحة، دهارڤکن
ترجمهن دجاديکن الله تعالى سباڬاي سبب هداية
کڤد امت إسلام دتانه اير کيت اين اونتوق
تڬوه برڤڬڠ دڠن جالن السلف الصالح.
والله الموفق والهادي

محمد عصري بن صبري

Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm

Akidah al-Rāziyayn merupakan salah satu kitab yang penting [dalam] menerangkan pegangan ahli al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Terjemahan matan akidah ini ke bahasa Melayu merupakan usaha yang sangat dialu-alukan kerana kekurangan sumber rujukan dalam akidah yang *ṣaḥīḥah*. Diharapkan terjemahan [ini] dijadikan Allah – ta‘ālā – sebagai sebab hidayah kepada umat Islām di tanah air kita ini untuk teguh berpegang dengan jalan al-Salaf al-Ṣāliḥ. *Wallāh al-Muwaffiq wal-Hādī*.

Muhammad Asrie bin Sobri

Kata Pengantar II
Dr. Kamilin Jamilin

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih

Segala puji bagi Allah Yang Maha Esa lagi Maha Kuasa, Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW kekasih junjungan, para Sahabat baginda RA dan kesemua yang mengikuti petunjuk mereka. *Ammā ba'd,*

Imam Abū Ḥātim al-Rāzi dan Imam Abū Zur'ah al-Rāzī merupakan antara tokoh hadis paling terkenal pada kurun ketiga hijrah yang sebaris dengan nama-nama besar seperti Imam Aḥmad bin Ḥanbal, Imam 'Amr bin 'Alī al-Fallās, Imam al-Bukhārī dan Imam al-Dhuhlī. Kedua-dua mereka umpama tokoh berkembar al-Rāziyān yang sukar dipisahkan dan telah melahirkan ramai tokoh ilmuwan ulung seperti al-Nasā'ī, Ibn Mājah, al-Rabī' bin Sulaymān, Yūnus bin 'Abd al-A'lā al-Ṣadafī dan ramai lagi.

Di sebalik ketokohan mereka dalam bidang hadis, ramai yang tidak menyedari mereka ini juga merupakan tokoh yang tegar mempertahankan akidah para al-Salaf al-Ṣāliḥ tatkala akidah umat ketika itu diancam begitu dahsyat khususnya pengaruh akidah Jahmiyyah, Muktazilah dan yang seangkatan dengannya. Ramai yang masih tidak membaca atau tidak didedahkan dengan pegangan akidah tokoh-tokoh hadis seperti mereka berdua.

Justeru apabila pasukan penterjemah meminta saya menulis kata-kata pengantar untuk hasil ilmiah ini, saya berasa begitu teruja kerana kedua-dua tokoh hadis ini sangat hampir dengan hati saya, kerana saya banyak membaca tentang ilmuwan 'berkembar' ini, khususnya kajian Ph.D saya yang sememangnya melibatkan mereka berdua sebagai fokus kajian dalam bidang *al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl*. Saya tersangat gembira kerana akidah mereka yang selama ini hanya menjadi bacaan saya akhirnya diluahkan ke dalam bahasa ibunda yang pastinya akan membuahkan manfaat yang sangat besar terhadap masyarakat. Semoga usaha ini diberkati Allah.

Dr. Kamilin Jamilin
Ahli Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan dan Perlis

Catatan Penerbit

Segala puji bagi Allah ﷻ. Selawat dan salam dicucurkan kepada Penghulu kita Muḥammad ﷺ, keluarga baginda, para sahabat baginda, dan sekalian manusia dan jinn yang menuruti jalan baginda – sehingga hari Kiamat.

Akidah, atau kadangkala disebut sebagai Iman, adalah perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Tanpa akidah yang benar, manusia menjadi hamba kepada makhluk – sama ada menjadi hamba kepada golongan atasan, atau kebendaan, atau menjadi hamba kepada nafsu sendiri.

Akidah yang benar membebaskan manusia dari perhambaan kepada makhluk, kepada perhambaan yang tulus dan murni kepada Tuhan Pencipta Sekalian Makhluk.

Nabi Muḥammad ﷺ telah diutuskan oleh Allah, untuk menerangkan jalan akidah para Nabi dahulu kala yang telah disimpangkan oleh golongan penyeleweng, serta membawa syariat baharu yang sesuai dengan setiap individu atas muka bumi ini.

Namun telah menjadi *sunnatuLlāh*, pada setiap dakwah Nabi itu ada kelompok yang cuba menyimpangkan jalan mereka yang sebenar. Menjadikan yang jelas kelihatan kabur, dan batil kelihatan indah.

Namun – *wal-ḥamd lillāh* – baginda ﷺ telah menjamin akan ada satu golongan dari umat baginda yang senantiasa menjaga keaslian agama ini sebagainya ia datang – dan ini adalah keistimewaan umat Muḥammad ﷺ. Baginda bersabda,

لاَ يَزَالُ مِنْ أُمَّتِي أُمَّةٌ قَائِمَةٌ بِأَمْرِ اللهِ لاَ يَضُرُّهُمْ مَنْ خَذَلَهُمْ،
وَلاَ مَنْ خَالَفَهُمْ حَتَّى يَأْتِيَهُمْ أَمْرُ اللهِ وَهُمْ عَلَى ذَلِكَ

"Akan senantiasa ada satu golongan dari umatku yang bangkit menegakkan perintah Allah. Sesiapa yang cuba mengkhianati mereka dan menyelisihi mereka tidak mampu memudaratkan mereka, sehinggalah tiba ketetapan yang Allah tetapkan, dan mereka masih dalam keadaan sedemikian."

Persoalannya, siapakah umat itu?

Mereka adalah para ulama' – seperti kata al-Bukhārī[1] – yang bergiat menghidupkan Sunnah Nabi ﷺ – seperti kata Yazīd bin Hārūn,[2] ibn al-Mubārak,[3] Aḥmad bin Ḥanbal[4] dan 'Alī bin al-Madīnī[5]– tanpa mengira di manakah mereka, bilakah mereka – seperti kata al-Shāfi'ī.

Ya. Ahli Hadis, merekalah yang memelihara keaslian agama ini dari sebarang penyelewengan golongan yang menyeleweng.

Kata Sufyān bin Sa'īd al-Thawrī, "Para malaikat adalah penjaga wahyu di langit, dan ahli Hadis adalah penjaga wahyu di bumi!"[6]

Kata Imam kita, al-Shāfi'ī al-Muṭallibī, "Ahli Hadis pada setiap era adalah seperti para Sahabat Nabi ﷺ di era mereka!"[7] Beliau juga pernah berkata, "Tiap kali saya melihat ahli Hadis, saya terasa seperti melihat seorang dari Sahabat Nabi ﷺ!"[8]

Akidah ahli Hadis ini telah didokumentasi para ulama zaman berzaman, seawal era *tadwīn* (zaman pembukuan) lagi. Ia diketahui dan jelas bagi yang berakal: Bahawa ia adalah ahli Hadis.

Namun kelihatan di zaman belakangan ini, ada usaha untuk menyembunyikan hakikat ini, dan mengelirukan masyarakat awam dengan mendakwa bahawa akidah ahli Hadis ini adalah yang salah. Lebih keliru, ada yang menyusun kitab ahli bidaah, dan menjenamakannya semula dengan akidah ahli Hadis!

Hadith Project melihat kepentingan untuk menunjukkan kepada masyarakat sumber primer bagi akidah ahli Hadis ini, dengan menterjemahkan teks *I'tiqād al-Rāziyayn*. Iaitu sebuah teks yang direkodkan Imam ibn Abī

---

[1] *Fatḥ al-Bārī*, j. 13, h. 393. Lihat: [1] *Sharaf Aṣḥāb al-Ḥadīth*, h. 27.
[2] *Sharaf Aṣḥāb al-Ḥadīth*, h. 26.
[3] *Ibid*.
[4] *Ibid*. *Manāqib al-Shāfi'ī* oleh al-Bayhaqī, j. 1, h. 6; *al-Fawā'id al-Muntakhabah wa al-Ḥikāyāt al-Mustaghrabah*, j. 1, h. 169.
[5] *Ibid*. h. 27. Lihat: *Sunan al-Tirmidhī*, no. 2229.
[6] *Sharaf Aṣḥāb al-Ḥadīth*, h. 44.
[7] *Qawā'id al-Taḥdīth*, h. 49.
[8] *Ibid*.

Ḥātim dari dua orang guru agungnya, iaitu ayahnya, Abū Ḥātim al-Rāzī dan Abū Zur‘ah al-Rāzī. Kerana itu disebut akidah al-Rāziyayn: dua orang al-Rāzī.

Ia adalah teks akidah yang penting, yang membuktikan hakikat sebenar: apakah akidah yang dipegang oleh para imam Hadis terdahulu. Kerana *al-bayyinah ‘ala al-mudda‘ī*, beban pembuktian itu pada pundak pendakwa, maka kami buktikan teks asli primer dari penulisan ahli Hadis silam untuk menerangkan akidah ahli Hadis yang sebenar!

Maka, nah! Kami persembahkan kepada sidang pembaca Akidah Sekalian Ahli Hadis: Terjemahan Akidah Abu Zur‘ah dan Abū Ḥātim al-Rāziyayn Menerusi Riwayat ibn Abī Ḥātim al-Rāzī.

Ḥadīth Project
1441H/2020M
‘alā barakatiLlāh!

Maḥallah ‘Uthmān, IIUM Gombak.

Biografi
Abū Ḥātim dan Abū Zur ‘ah
al-Rāziyayn

➢ Abū Zur‘ah al-Rāzī (w. 264H)

Beliau merupakan sahabat baik Imam Aḥmad bin Ḥanbal (w. 241H), sekaligus merupakan regu dalam perbincangan dan diskusi ilmiah. Beliau adalah sepupu kepada Abū Ḥātim al-Rāzī.

“Abū Zur‘ah ini lebih popular di dunia, berbanding dunia itu sendiri!”,
ujar Yūnus bin ‘Abd al-A’lā.

Nama sebenar beliau ialah ‘Ubayd Allah bin ‘Abd al-Karīm bin Yazīd bin Farrūkh bin Dāwūd, al-Makhzūmī, al-Rāzī; dikenali dengan nama Abū Zur‘ah al-Rāzī.

Beliau dikatakakan berasal dari suku Makhzūm, iaitu daripada jalur keturunan Makhzūm bin Yaqẓah bin Ka‘b bin Lu’ayy bin Ghālib bin Fihr bin Mālik bin Quraysh bin Kinānah bin Khuzaymah bin Mudrikah bin Ilyās bin Muḍarr bin Nizār bin Ma’d bin ‘Adnān. Nasab ini bertembung dengan nasab Nabi ﷺ pada Ka‘b bin Lu’ayy.

Namun dikatakan juga bahawa beliau hanya berwala’ kepada nasab ini, bukan berdarah daging dengannya; kerana nenek moyangnya pernah menjadi orang suruhan kepada salah seorang suku ini, maka beliau tidak mempunyai sebarang pertalian darah secara langsung.

‘Abd al-Karīm, bapa kepada Abū Zur‘ah al-Rāzī juga merupakan seorang yang alim dalam ilmu hadis, beliau mempunyai 3 orang anak, iaitu Muḥammad, Abū Bakr, dan Ubayd Allah, iaitu Abū Zur‘ah al-Rāzī; ketiga-tiga mereka menjadi pakar hadis.

Perjalanan Menuntut Ilmu

Beliau menuntut ilmu hadis melalui kaedah mempelajari dan menerima hadis dari para guru, kemudian menekuni makna-maknanya, serta menghafaz sekalian hadis, samada yang sahih mahupun yang daif, daripada tokoh-tokoh sarjana yang cemerlang dalam ilmu hadis serata dunia. Bilangan mereka tidak terkira!

Semua ini merupakan hasil pengembaraan dan ekspedisi ilmiah ke beberapa wilayah, antaranya tanah Ḥijāz, dataran Syam, Mesir, Semenanjung Tanah Arab, Khurāsān dan lain-lain wilayah.

Antara guru dan sahabat seperjuangan beliau ialah Imām Aḥmad bin Ḥanbal (w. 241H), al-Faḍl bin Dukayn (w. 219H), Abū Bakr bin Abī Shaybah (w. 235H), dan lain-lain ahli hadis salaf yang ulung di zaman tersebut.

Manakala, antara murid beliau yang unggul ialah, sahabat seperjuangan beliau sendiri iaitu Abū Ḥātim al-Rāzī, Muslim bin al-Ḥajjāj (w. 261H), al-Nasā'ī (w. 303H), Ibn Mājah (w. 273H), 'Abd Allah bin Aḥmad bin Ḥanbal (w. 290H), Ḥarmalah bin Yaḥyā (w. 243H), Ibn Abī Ḥātim dan lain-lain ahli hadis salaf terkemuka yang sezaman dengan beliau, atau yang selepasnya.

Keilmuan Abū Zur'ah

Keilmuan Abū Zur'ah meliputi segenap aspek ilmu hadis, baik dari sudut *riwāyah*, mahupun *dirāyah*. Hal ini jelas terbukti daripada pendapat beliau di dalam arena ilmu ini.

Cukuplah bukti yang menunjukkan ketokohan beliau dalam bidang ini, sehingga ilmuwan seagung Imam Aḥmad sanggup meninggalkan kebiasaan beliau mengamalkan solat sunat siang dan malam, hanya semata-mata untuk bermuzakarah berkenaan ilmu hadis bersama Abū Zur'ah.

Beliau juga diiktiraf sebagai pakar dan orang yang paling alim terhadap karya hadis agung ketika itu, iaitu kitab al-Muwaṭṭa' tulisan Imam Mālik bin Anas, sehingga 'Alī bin al-Ḥusayn bin al-Junayd al-Mālikī (w. 291), anak murid Imam Mālik sendiri berkata, "Saya tidak melihat seorang pun yang paling alim berkenaan hadis-hadis Mālik bin Anas; samada yang bersambung sanadnya atau yang terputus, melainkan Abū Zur'ah."[9]

Abū Zur'ah juga merupakan antara panel penyemak kitab Ṣaḥīḥ Muslim. Diriwayatkan bahawa Muslim bin al-Ḥajjāj (w. 261H), pernah berkata: "Saya membentangkan kitab al-Ṣaḥīḥ saya ini kepada Abū Zur'ah al-Rāzī. Setiap hadis yang beliau nyatakan kecacatannya, maka saya tinggalkannya. Setiap hadis yang beliau katakan sahih serta tiada kecacatan, maka saya masukkannya dalam al-Ṣaḥīḥ."[10]

---

[9] *Taqdimah al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* [hal. 330], *Tahdhīb al-Kamāl*, oleh al-Mizzī [jil. 1/hal. 442].
[10] *Sharḥ al-Nawawī 'alā Muslim* (1/15).

Pujian Ulama Terhadap Abū Zur‘ah

Abū Ya‘lā al-Khalīlī (w. 446H), penulis al-Irshād, berkata, “Kemuliaan beliau terlalu banyak untuk dihitung. Tiada siapa yang mampu menandingi mutu penulisan karya-karya beliau.”[11]

Ibn Abī Shaybah (w. 235H), penyusun kitab al-Muṣannaf pernah berkata, “Aku tidak temui seorang pun yang lebih kuat hafazannya berbanding Abū Zur‘ah al-Rāzī.”[12]

Muḥammad bin bin Muslim ibn Wārah al-Raẓī (w. 270H) merekodkan bahawa Isḥāq bin Rahawayh (w. 238H), seorang pakar hadis agung pernah berkata: “Setiap hadis yang tidak diketahui oleh Abū Zur‘ah, maka hadis tersebut tiada asalnya (palsu).”[13]

Imām Aḥmad bin Ḥanbal pernah berkata: “Tiada orang yang pernah merentasi jambatan kota ini, yang lebih tinggi ilmu fiqhnya melebihi Isḥāq bin Rahawayh, dan yang lebih kuat hafazannya melebihi Abū Zur‘ah al-Rāzī.” Imam Aḥmad juga mengiktiraf bahawa Abū Zur‘ah al-Rāzī telah menghafaz sebanyak 600 000 buah hadis.

Al-Ḥāfiẓ Ibn Mandah (w. 395H) berkata, “Dikatakan bahawa orang yang paling kuat hafazannya dalam umat ini ialah Abū Hurayrah, yang kedua Abū Zur‘ah.”

Ibn Mandah meriwayatkan bahawa Abū Zur‘ah berkata, “Saya telah menghafaz sebanyak 700 000 hadis, mempunyai 14 000 sanad dalam qiraat dan tafsir. Saya juga menghafaz 10 000 hadis-hadis palsu yang direka manusia supaya saya tahu taktik kotor para pereka hadis palsu tersebut!”

Diriwayatkan juga bahawa Abū Zur‘ah pernah mengakui bahawa dirinya menghafaz 200 000 buah hadis, dan kelancaran beliau menyamai kelancaran orang biasa membaca surah al-Ikhlāṣ!

Karya-karya Abū Zur‘ah

---

[11] *Al-Irshād fi Ma‘rifat ‘Ulamā’ al-Ḥadīth* (6/167), oleh al-Ḥafiẓ al-Khalīlī.

[12] Mukadimah *al-Kāmil* (1/212), oleh Ibn ‘Adī, *Tārīkh Baghdād* (10/331), oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī.

[13] *Al-Manhaj al-Aḥmad* (1/149).

1. Kitāb *al-Fawā'id*
2. Kitāb *al-Faḍā'il*
3. Kitāb *A'lām al-Nubuwwah,* atau *Dalā'il al-Nubuwwah*
4. Kitāb *al-Siyar*
5. Kitāb *al-Mukhtaṣar*
6. Kitāb *al-Zuhd*
7. Kitāb *al-Aṭ'imah*
8. Kitāb *al-Farā'iḍ*
9. Kitāb *al-Ṣawm*
10. Kitāb *al-Ādāb*
11. Kitāb *al-Wuḍū'*
12. Kitāb *al-Shuf'ah*
13. Kitāb *al-Afrād*
14. Kitāb *al-'Ilal*
15. Kitāb *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*
16. *Bayān Khaṭa' Abī 'Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī fī Tārikhihi*
17. Kitāb *al-Tafsīr*
18. *Ajwibatuhu 'alā Su'ālāt al-Bardha'ī*
19. *Asmā' al-Ḍu'afā'*
20. Kitāb *al-Ṣaḥābah*
21. *Al-Musnad.*

Kedudukan Beliau Dalam Aliran Ahl al-Sunnah

Abū Zur'ah al-Rāzī merupakan tokoh agung dalam aliran ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah, bahkan beliau sememangnya seorang legenda dalam ilmu al-Sunnah itu sendiri.

Ditambah pula dengan status beliau yang termasuk dari kalangan al-Salaf al-Ṣāliḥ sejati, yang hidup pada *al-qurūn al-mufaḍḍalah*, iaitu 3 kurun awal Islām yang diakui keelokan manhaj mereka oleh Nabi ﷺ sendiri.

Kerana kedudukan beliau yang begitu signifikan dalam tradisi ilmu ahli al-Sunnah, Abū Ḥātim al-Rāzī telah menjadikan beliau sebagai kayu ukur manhaj seseorang. Beliau berkata, "Jika anda terlihat ada orang di daerah

Rayy[14] yang membenci Abū Zur‘ah ini, maka ketahuilah bahawa orang tersebut merupakan ahli bidaah.”[15]

Penghulu ahli al-Sunnah, Imam Aḥmad bin Ḥanbal begitu mencintai Abū Zur‘ah al-Rāzī. Suatu hari, Imam Aḥmad pernah terdengar seseorang berkata kepada beliau, “Ada seorang budak muda yang bernama Abū Zur‘ah.”

Lalu, Imam Aḥmad berasa amat marah, beliau menempelak orang tersebut, “Adakah kamu memanggil orang seperti beliau sebagai budak?” Beliau amat mengingkari sesiapa yang merendah-rendahkan Abū Zur‘ah.

Imam Aḥmad kemudian mengangkat kedua-dua tangannya seraya berdoa, “Wahai Allah, menangkanlah Abū Zur‘ah atas sekalian musuhnya. Wahai Allah, perbaikilah dirinya. Wahai Allah, jauhkanlah dirinya daripada segala bala bencana,..” dan banyak lagi doa beliau yang tidak tercatat, hanya terbuku di hati Imām yang agung, serta terbit dari lisan beliau yang mulia.

Wafat

Beliau meninggal dunia pada tahun 264H; kisah berkenaan keindahan detik kewafatan beliau dihikayatkan dalam karya-karya sejarawan Islām. Semoga Allah mengurniakan beliau *ḥusn al-khātimah*.[16]

---

[14] Rayy, dikenali dengan nama Khurasan. Disebut *Raghes* dalam bahasa Yunani. Kini bertempat di Tehran, ibu kota Iran. Dahulu ia menjadi pusat keilmuan ahli al-Sunnah, sebelum menjadi pusat agama Shī‘ah seperti pada hari ini. Semoga Allah mengembalikan kota Rayy, sebagaimana pada zaman awal keislamannya.

[15] *Tārīkh Baghdād*, oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī, [jil. 10/hal. 329]

[16] Nantikan terbitan kami yang akan datang – inshā’-Allah – berjudul Anekdot Ahli Hadis, terjemahan penulisan Shaykh Dr. ‘Alī bin ‘Abdullah al-Ṣayyāḥ. Antara isinya adalah kisah kewafatan Imam Abū Zur‘ah dan Abū Ḥātim yang begitu mengagumkan!

➢ Abū Ḥātim al-Rāzī

Sepupu, sahabat baik dan rakan sepenuntutan Abū Zur‘ah al-Rāzī, sering digabung berdua di sisi ahli ilmu dan umat keseluruhannya, saling melengkapi dalam ilmu dan perjuangan. Bapa yang *ṣāliḥ* lagi alim kepada anak yang alim jua *ṣāliḥ*, bapa dan anak, keluarga yang agung dalam ilmu hadis!

Nama sebenar beliau ialah Muḥammad bin Idrīs bin al-Mundhir bin Dāwūd bin Mihrān, al-Ḥanẓalī al-Ghaṭafānī, al-Rāzī; dikenali sebagai Abū Hātim al-Rāzī.

Beliau berasal dari suku Ghaṭafān, iaitu dari jalur keturunan Ghaṭafān bin Sa’d bin Qays Ghaylān bin Muḍarr bin Nizār bin Ma’d bin ‘Adnān, dan juga dikatakan daripada puak Ḥanẓalah daripada suku Tamīm kerana berketurunan Yarbū’ bin Ḥanẓalah bin Mālik bin Zayd Manāt bin Tamīm, justeru dinisbahkan kepada kedua-dua suku tersebut.

Beliau lahir pada tahun 195H, beliau lebih tua berbanding Abū Zur‘ah. Beliau mulai berjinak-jinak dengan ilmu hadis ketika seawal umur 9 tahun. Tidak syak lagi bahawa bapa beliau Idrīs bin al-Mundhir merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan beliau meminati ilmu hadis. Suasana ilmiah dalam keluarga mereka ini jelas terzahir.

Hubungan Dengan Abū Zur‘ah

Mereka berdua merupakan sepupu sebelah bapa, antara satu sama lain. Yazīd bin Farrūkh yang merupakan datuk kepada Abū Zur‘ah, memiliki 3 orang anak, 2 orang lelaki dan seorang perempuan. Salah seorang lelaki bernama ‘Abd al-Karīm, telah menikah dan melahirkan ‘Ubayd Allah, iaitu Abū Zur‘ah al-Rāzī. Manakala, anak perempuan beliau dinikahkan dengan Idrīs bin al-Mundhir kemudian melahirkan Muḥammad, iaitu Abū Ḥātim al-Rāzī.

Hubungan mereka begitu rapat atas dua faktor yang amat kukuh, iaitu faktor hubungan kekeluargaan dan faktor persamaan bidang yang diceburi, iaitu ilmu hadis.

Guru Abū Ḥātim

Abū Ḥātim al-Rāzī merupakan murid kepada sekian ramai tokoh ulama hadis mutaqaddimin yang tidak terkira bilangan mereka. Antara mereka, Abū Zur‘ah, ‘Ubayd Allah bin Mūsā, al-Aṣma’ī, Abū Nu’aym al-Faḍl bin Dukayn, ‘Affān bin Muslim, Ādam bin Abī Iyās, dan lain-lain ulama hadis salaf terkemuka pada zaman tersebut. Beliau telah menghafaz dan menulis ribuan hadis daripada guru-guru tersebut.

Beliau tidak sempat bertemu Sufyān bin ‘Uyaynah di Makkah, dan Wakī‘ bin al-Jarrāḥ di Kūfah, namun beliau tetap mengembara ke Makkah dan Kūfah, semata-mata untuk mengambil hadis daripada anak-anak murid Sufyān dan Wakī‘.

Hakikatnya, bilangan guru-guru beliau bersama Abū Zur‘ah al-Rāzī, adalah terlalu ramai untuk disebutkan disini. Mereka berdua ini telah bermusafir dan berehlah merentasi sekalian pelusuk dunia, semata-mata untuk mencari hadis dan berjumpa dengan sekalian periwayat hadis untuk memelihara keaslian sunnah.

Tidak tergambar betapa ramainya guru hadis mereka yang mereka telah lazimi, dan betapa banyak mutiara ilmu yang mereka peroleh

Ketokohan Abū Ḥātim Dalam Bidang Hadis

Beliau telah menulis ribuan hadis daripada sekalian gurunya, jumlahnya mencapai 600 000 hadis seperti yang dinyatakan oleh Imam Aḥmad bin Ḥanbal berkenaan ahli hadis ketika itu (terutamanya al-Rāziyayn).

Sudah pasti, beliau merupakan regu diskusi sepupu beliau, Abū Zur‘ah al-Rāzī. Abū Zur‘ah pasti merujuk dan akan berbincang sebarang isu dalam ilmu hadis dengan sahabat baik beliau ini, yang juga sama handal dan mahir dalam selok-belok ilmu hadis. Jika sebarang keraguan melanda Abū Zur‘ah, pasti ia akan terlerai apabila bertemu dengan Abū Ḥātim.

Abū Ḥātim menceritakan, “Pada suatu hari, saya dan Abū Zur‘ah berdiskusi berkenaan beberapa buah hadis untuk menyemak dan menentukan hukum sekalian hadis tersebut. Lantas, kami menyebut tentang sekalian hadis dari sudut ketepatan lafaz dan ejaan, aspek kecacatan tersembunyi hadis, dan kesilapan sulit setiap periwayat dalam hadis tersebut.

Kemudian, Abū Zur‘ah meluahkan kepada saya, “Wahai Abū Ḥātim, betapa sedikitnya orang yang memahami ilmu ini. Betapa sukarnya ilmu ini. Jikalah salah seorang kita sudah meninggal dunia, tiada seorang pun yang memahiri ilmu ini. Barangkali, saya berasa ragu tentang sesuatu, atau membingungkan saya sebarang hadis, maka tiada yang lebih menenangkan diri saya berbanding saya bertemu anda (Abū Ḥātim), untuk berbincang tentangnya.”[17]”

Sungguhpun mereka begitu rapat, namun mereka berdua juga pernah berdebat sesama mereka, untuk bertanding kejituan ilmu.

Abū Ḥātim menceritakan, “Abū Zur‘ah bertanya saya, “Adakah anda mengangkat tangan ketika berdoa qunut?”

Saya menjawab, “Tidak, anda pula angkat atau tidak?”

Lalu Abū Zur‘ah membalas, “Tidak.”

Lalu saya bertanya, “Apa hujah anda?”

Beliau menjawab, “Hadis ‘Abd Allah bin Mas’ūd.” Saya membantah, “(Di dalam sanadnya ada) Layth bin Abī Sulaym.”

---

[17] *Tārīkh Baghdād* (2/76), *Siyar A‘lām al-Nubalā’* (13/252).

Beliau menjawab lagi, “Hadis Abū Hurayrah.”

Saya membantah, “Diriwayatkan oleh ‘Abd Allah bin Lahī‘ah (yang daif).”

Beliau menjawab lagi, “Hadis ‘Abd Allah bin ‘Abbās.”

Saya menyangkal, “Diriwayatkan oleh ‘Awf (yang daif).”

Kemudian, Abū Zur‘ah bertanya saya, “Lantas, apa pula hujahmu dalam meninggalkannya?”

Saya menjawab, “Hadis Anas, bahawa Rasūlullāh SAW tidak pernah mengangkat tangannya ketika berdoa, kecuali ketika berdoa ketika salat istisqā’ (meminta hujan).”

Abū Zur‘ah kemudian terdiam kerana kekuatan penghujahanku.[18]

Budaya perdebatan sesama ahli hadis amat subur, mereka saling mempunyai hujah yang kuat, saling bertoleransi dan sedia menerima kebenaran daripada semua pihak.

Aḥmad bin Salamah al-Naysābūrī berkata, “Saya tidak pernah melihat seorang pun yang lebih kuat hafazan serta pemahaman terhadap makna hadisnya selepas Isḥāq bin Rahawayh dan Muḥammad bin Yaḥyā al-Dhuhlī, melainkan Abū Ḥātim al-Rāzī.”[19]

Abū Ḥātim al-Rāzī mempunyai hafazan yang begitu meluas berbanding sarjana tokoh hadis ulung pada zamannya. Malahan, hafazan beliau menandingi hafazan Muḥammad bin Yaḥyā al-Dhuhlī yang hebat dan setanding dengan Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī!

Bahkan al-Dhuhlī yang dinyatakan sebagai orang yang paling alim dan pakar terhadap hadis-hadis ibn Shihāb al-Zuhrī pun tewas dengan kemahiran Abū Ḥātim dalam selok-belok hadis al-Zuhrī.

---

[18] *Tārīkh Baghdād* (2/76), *Tahdhīb al-Kamāl* (19/389).
[19] *Siyar A‘lām al-Nubalā’* (13/251).

Abū Ḥātim menceritakan, "Muḥammad bin Yaḥyā al-Naysābūrī (al-Dhuhlī) pernah datang ke Rayy. Lalu aku menyampaikan sebanyak 13 000 hadis al-Zuhrī [yang tidak masyhur] kepada beliau, rupa-rupanya beliau hanya mengetahui 3 hadis sahaja daripada sekalian hadis tersebut. Yang selainnya, beliau tidak menghafaznya, bahkan tidak pernah mendengarnya."[20]

Intelektual Abū Ḥātim al-Rāzī dalam ilmu hadis, serta kepakaran beliau di dalam ilmu *'ilal* hadis yang begitu sukar dan jarang dimahiri oleh sarjana tidak dapat kita ragui.

Semua soalan berkenaan hadis, hal-ehwal perawi, ilmu *'ilal* dan fiqh hadis dijawab menerusi hafazan dan ingatan beliau yang kukuh tersemat dalam dada.

Perkara ini diakui oleh anak beliau yang juga merupakan tokoh pakar hadis yang agung, serta periwayat terhadap sekalian ilmu al-Rāziyayn ini, iaitu 'Abd al-Raḥmān ibn Abī Ḥātim. Beliau menyebutkan, "Saya mendengar bapa saya (Abū Ḥātim) menjelaskan sedemikian rupa, berdasarkan memori beliau semasa saya mengajukan pertanyaan ini kepada beliau."[21]

Karya Abū Ḥātim al-Rāzī

Disini kami senaraikan beberapa karya yang dinisbahkan kepada Abū Ḥātim al-Rāzī dan dipastikan ketepatannya dalam kalangan pengkaji kontemporari, antaranya:

1. Kitāb *al-Radd 'alā Dāwūd bin Khalaf al-Aṣbahānī*
2. *Ta'bīr al-Ru'yā*
3. Kitāb *al-Zuhd*
4. Kitāb *al-I'tiqād*
5. *Takfīr man Qāla bi Khalq al-Qur'ān*
6. Kitāb *fī al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah ghayr Ma'lūlah*
7. *Tasmiyah Nāqilī al-Āthār*
8. *Ṭabaqāt al-Tābi'īn*
9. Kitāb *al-'Ilal*
10. *Ādāb al-Shāfi'ī wa Manāqibuh*
11. *Al-Tafsīr*

---

[20] *Siyar A'lām al-Nubalā'* (13/255).
[21] *Al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* (5/409).

12. *Bayān Khaṭa' al-Bukhārī fī Tārīkhih*
13. Kitāb *al-Ṣaḥābah*
14. Kitāb *al-Musnad*
15. Kitāb *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*
16. *Al-Jāmi' fī al-Fiqh*

Sekalian ilmu Abū Ḥātim dan Abū Zur'ah diriwayatkan oleh anak kepada Abū Ḥātim al-Rāzī, iaitu 'Abd al-Raḥmān bin Abī Ḥātim al-Rāzī, seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Beliau pewaris ilmu ayahnya dan bapa saudaranya secara keseluruhan di sisi ulama zaman-berzaman.

Wafat

Beliau meninggal dunia pada bulan Sha'bān, tahun 277H di Rayy. Semoga Allah merahmati beliau.

Penisbahan Teks[22]

Teks Akidah al-Raziyayn ini dengan judul asalnya, "*Aṣl al-Sunnah wa I'tiqād al-Dīn"* (Asas al-Sunnah dan Pegangan Agama) merupakan sebuah karya akidah menurut metodologi para al-Salaf al-Salih serata dunia, yang diriwayatkan oleh Abū Zur'ah al-Rāzī dan Abū Ḥātim al-Rāzī, menerusi periwayatan 'Abd al-Raḥmān bin Abī Ḥātim ini.

Karya ini telah dinukilkan dan diriwayatkan secara sahih dan masyhur dalam kalangan para ulama dan *musnidīn* (pemilik sanad) di sisi ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah[23].

Antara yang meriwayatkannya akidah ini beserta karya penulisan mereka;

1. Imam Abū al-Qāsim Hibat Allah al-Lālakā'ī di dalam karya beliau, yang berjudul *Sharḥ Uṣūl al-I'tiqād*, jil. 1, hal. 198-201.
2. Abū al-'Alā al-Hamadhānī al-'Aṭṭār di dalam karya beliau, *Futyā wa Jawābuhā fi Dhikr al-I'tiqād wa Dhamm al-Ikhtilāf*, hal. 90-93.
3. al-Maqdisī di dalam *Mukhtaṣar al-Ḥujjah 'alā Tārik al-Maḥajjah*, jil. 2, hal. 359-365.

Dinukilkan sebahagian juzuk daripadanya, antaranya oleh al-Ṣābūnī di dalam *'Aqīdah al-Salaf wa Aṣḥāb al-Ḥadīth* (h. 303-305), Abu Dharr al-Harawī di dalam *Dhamm al-Kalām wa Ahluh* (j. 4, h. 360, 389), Ibn Qudāmah al-Maqdisī di dalam *Ithbāt al-'Uluww* (h. 125-126), dan al-Dhahabī di dalam *al-'Arsh* dan *al-'Uluww*, serta lain-lain ulama mutaakhkhirīn di dalam penulisan akidah mereka secara bersanad yang bersambung (*muttaṣil*) dan sahih kepada dua al-Rāzī, atau disebut al-Rāziyayn.

---

[22] Bahagian ini merupakan terjemahan dan kesimpulan daripada nota kaki al-Khurāsaniyyah oleh Sh. al-Ṭarīfī, halaman 9.

[23] Al-Sha'lamī berkata, "Sh. Walīd bin Idrīs al-Manīsi telah mengijazahkan kepada kami sekalian penulisan al-Dhahabi dengan jalurnya, kemudian daripada al-Dhahabi dalam *Tārīkh al-Islām* (j. 50, h. 317), daripada Yahyā bin Abī Manṣūr, penulis manuskrip asal *Sharḥ 'Uṣūl al-I'tiqād*, daripada 'Abd al-Qadīr al-Ruhāwī, daripada Abū Ṭāhir al-Silafī, daripada Abū Bakr al-Ṭuraythīthī, daripada al-Lālakā'ī, daripada Muḥammad bin al-Muẓaffar al-Muqri, daripada al-Ḥusayn bin Muhammad bin Ḥibsh al-Muqrī, daripada ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, daripada al-Rāziyayn.

Teks dan Terjemahan
I‘tiqād Abī Zur‘ah wa Abī Ḥātim al-Razīyayn

Imam ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Ḥātim berkata:

سَأَلْتُ أَبِي وَأَبَا زُرْعَةَ عَنْ مَذَاهِبِ أَهْلِ السُّنَّةِ فِي أُصُولِ الدِّينِ، وَمَا أَدْرَكَا عَلَيْهِ الْعُلَمَاءَ فِي جَمِيعِ الأَمْصَارِ، وَمَا يَعْتَقِدَانِ مِنْ ذَلِكَ.

Saya telah bertanya bapa saya dan Abū Zur‘ah berkenaan:

i. pegangan-pegangan ahli al-Sunnah dalam *Uṣūl al-Dīn* (Ms: prinsip-prinsip asas agama),
ii. dan apakah pegangan para ulama yang mereka temui di serata dunia,
iii. dan apakah iktikad mereka dalam *Uṣūl al-Dīn*.

فَقَالَا: أَدْرَكْنَا العُلَمَاءَ فِي جَمِيعِ الأَمْصَارِ – حِجَازًا وَعِرَاقًا ومِصْرَ وَشَامًا وَيَمَنًا – فَكَانَ مِنْ مَذَاهِبِهِمْ:

Lalu mereka berdua menerangkan,

“Kami telah menemui sekalian sarjana dari serata ceruk dunia[24], – di Ḥijāz, Iraq, Mesir, Shām dan Yaman –, maka yang kami dapati antara pegangan mereka [yang utama] adalah:

[24] Kami menamakan terjemahan ini sebagai **Akidah Sekalian Ahli Hadis** kerana teks ini adalah pegangan ahli al-Sunnah yang dipegang oleh seluruh ulama, dari seluruh dunia, pada zaman penulis – *raḥimahumullāh*. Maka setiap apa yang dinyatakan oleh Abū Zur‘ah dan Abū Ḥātim dalam risalah ini merupakan pegangan yang disepakati oleh ahli al-Sunnah keseluruhannya. Barangsiapa yang menyelisihinya, maka dia telah menyelisihi jalan ahli al-Sunnah, terperangkap dalam bidaah dalam akidah.

[Hakikat Iman]

الإِيمَانُ قَوْلٌ وَعَمَلٌ، يَزِيدُ وَيَنْقُصُ.

Bahawasanya; keimanan terdiri daripada pengakuan dan perbuatan,[25] ia bertambah dan berkurang,[26]

---

[25] *Musammā al-Īmān* (hakikat iman) di sisi ahli al-Sunnah terdiri daripada dua perkara:

i. Pengakuan, dan ia terbahagi kepada dua bahagian,
   a) Pengakuan hati, iaitu dengan meyakini akan rukun-rukun Iman dan selainnya.
   b) Pengakuan lisan, iaitu dengan mengucapkan dua kalimah syahadah dengan lidah.

ii. Perbuatan, dan terbahagi juga kepada dua bahagian,
   a) Perbuatan batin, seperti ikhlas, tawaduk, sabar, dan selainnya.
   b) Perbuatan zahir, seperti solat, puasa, haji, dan selainnya.

Kesemua ini termasuk dalam *musammā al-Īmān* di sisi ahli al-Sunnah. Barangsiapa yang mendakwa salah satunya tidak termasuk dalam iman, maka dia adalah ahli bidaah yang menyimpang dari jalan Salaf [lihat: n.k. 55].

[26] Menurut ahli al-Sunnah, iman itu berjuzuk-juzuk, boleh bertambah dan boleh berkurang. Seorang individu muslim yang melakukan maksiat adalah orang beriman yang tidak sempurna imannya. Justeru ahli al-Sunnah tidak mengkafirkan pelaku dosa – sebagaimana yang dilakukan oleh Khawarij – dan tidak menerakakan mereka – sebagaimana yang dilakukan oleh Muktazilah – kerana dosa yang mereka lakukan; bahkan kita berharap agar mereka diampuni oleh Allah ﷻ.

[Pendirian Terhadap al-Qur’ān]

وَالْقُرْآنُ كَلَامُ اللهِ غَيْرُ مَخْلُوقٍ بِجَمِيعِ جِهَاتِهِ.

dan; al-Qur’ān itu merupakan kata-kata Allah, ia bukan makhluk (sesuatu yang diciptakan) daripada segala sudutnya,[27]

[Pendirian Terhadap *al-Qadar*]

وَالْقَدْرُ خَيْرُهُ وَشَرُّهُ مِنَ اللهِ ﷻ.

dan; *al-Qadar* (Ms: segala ketentuan yang telah ditetapkan), sama ada yang baik mahupun yang buruk, adalah daripada Allah ﷻ,[28]

---

[27] Yang dimaksudkan segala sudut ini adalah, baik dari sudut lafaz dan makna, kedua-duanya adalah daripada Allah. Sebahagian *mutakallimin* – seperti al-Ashā‘irah – mendakwa bahawa al-Qur’ān hanya kata-kata Allah pada aspek maknanya sahaja, tetapi lafaznya adalah ciptaan makhluk. Kepercayaan ini adalah batil, menyalahi pendirian para Salaf dalam akidah [lihat: n.k. 66].

[28] Ahli al-Sunnah mengimani bahawasanya segala apa yang berlaku, sama ada hal yang baik mahupun buruk, telah pun ditakdirkan oleh Allah ﷻ 50 000 tahun sebelum Dia menciptakan langit dan bumi.

Dalam memahami konsep al-Qadar, perlu diketahui bahawa al-Qadar mempunyai beberapa peringkat, iaitu;

1. Peringkat ilmu: Iaitu kita beriman bahawa Allah ﷻ telah pun mengetahui segala perkara sebelum ia berlaku, ketika ia berlaku, selepas ia berlaku, dan jika ia tidak berlaku, apakah yang akan berlaku. Allah ﷻ mengetahui segala perbuatan anda, sifat anda, bentuk anda, diam anda dan bergerak anda.
2. Peringkat penulisan: Iaitu kita beriman bahawa Allah ﷻ telah pun menuliskan segalanya di *Lawḥ Maḥfūẓ*, kemudian Allah ﷻ menyuruh malaikat untuk mencatat sekali lagi takdir setiap individu apabila sudah mencapai usia 4 bulan dalam kandungan.
3. Peringkat kehendak (*al-Mashī’ah*): Iaitu kita beriman bahawa Allah ﷻ menghendaki segala apa yang berlaku di dunia ini, dan tidak ada sesuatu pun yang berlaku tanpa kehendak Allah ﷻ. Namun kehendak Allah ﷻ tidak memestikan Allah menyukai hal yang dikehendaki tersebut.
4. Peringkat penciptaan: Iaitu kita beriman bahawa Allah ﷻ yang mencipta segala sesuatu di alam ini, dan segala apa yang berlaku di alam ini, Allah yang menciptakannya dan mewujudkannya.

[Pendirian Terhadap Para Sahabat]

وَخَيْرُ هَذِهِ الأُمَّةِ بَعْدَ نَبِيِّهَا – عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ – أَبُو بَكْرٍ الصِّدِّيقُ، ثُمَّ عُمَرُ بْنُ الخَطَّابِ، ثُمَّ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ، ثُمَّ عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ - رَضِيَ الله عَنْهُمْ –، وَهُمُ الخُلَفَاءُ الرَّاشِدُونَ الْمَهْدِيُّونَ.

dan; Sebaik-baik manusia dalam kalangan umat ini selepas Nabi ﷺ adalah:

i. Abū Bakr al-Ṣiddīq[29]; kemudian
ii. ‘Umar bin al-Khaṭṭāb[30]; kemudian
iii. ‘Uthmān bin ‘Affān[31]; kemudian
iv. ‘Alī bin Abī Ṭālib[32]

– semoga Allah meredai mereka semua –, dan mereka itu kesemuanya merupakan *al-Khulafā’ al-Rāshidūn al-Mahdiyyūn* (Ms: para pengganti yang diberi petunjuk dan hidayah),[33]

---

[29] ‘Abd Allah bin Abū Quḥāfah, Abū ‘Abd Allah, Abū Bakr al-Ṣiddīq al-Taymī (w. 13H), daripada bangsa Quraysh berjalur keturunan Taym bin Murrah bin Ka‘b. Wafat di Madinah, dikebumikan bersebelahan makam Nabi ﷺ.

[30] ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, *Amīr al-Mu’minīn* Abū Ḥafṣ al-‘Adawī, al-Fārūq (w. 23H), daripada bangsa Quraysh berjalur keturunan ‘Adī bin Ka‘b bin Lu’ayy. Beliau meninggal dunia dibunuh ketika menunaikan salat fajar & dikebumikan di Madinah, bersebelah pusara Nabi Muḥammad ﷺ dan Abū Bakr al-Ṣiddīq.

[31] ‘Uthmān bin ‘Affān, *Amīr al-Mu’minīn* Abū ‘Abd Allah al-Umawī, Dhū al-Nurayn (w. 35H), daripada bangsa Quraysh berjalur keturunan Umayyah bin ‘Abd Shams bin ‘Abd Manāf bin Quṣayy bin Kilāb bin Murrah. Beliau meninggal dunia dibunuh di rumah beliau setelah dikepung berbulan-bulan oleh golongan pemberontak. Meninggal dunia di Madinah dan dikebumikan di Perkuburan al-Baqī’, Madinah Nabawiyyah.

[32] ‘Alī bin Abū Ṭālib, *Amīr al-Mu’minīn* Abū al-Ḥasan al-Hāshimī, (w. 40H), daripada suku Quraysh keluarga Hāshim bin ‘Abd Manāf bin Quṣayy. Beliau wafat dibunuh oleh kelompok Khawārij di Kufah, dan dikebumikan di sana.

[33] Ini merupakan gelaran atau status yang dikurniakan oleh Nabi ﷺ dalam sabdaan baginda dalam hadis ‘Irbāḍ bin Sāriyah, “Maka berpeganglah dengan al-Sunnahku, dan sunnah *al-Khulafā’ al-Rāshidūn al-Mahdiyyūn* selepasku. Gigitlah ia dengan gigi

وَأَنَّ العَشَرَةَ الَّذِينَ سَمَّاهُمْ رَسُولُ اللهِ ﷺ، وَشَهِدَ لَهُمْ بِالجَنَّةِ: عَلَى مَا شَهِدَ بِهِ رَسُولُ اللهِ ﷺ، وَقَوْلُهُ الحَقُّ.

dan; Sepuluh orang sahabat[34] yang disebut nama mereka oleh Rasūlullāh ﷺ, dan dipersaksikan oleh baginda bahawa mereka akan masuk syurga, adalah sebagaimana yang dipersaksikan baginda [bahawa mereka pasti masuk syurga], dan sabdaan baginda adalah kebenaran,

وَالتَّرَحُّمُ عَلَى جَمِيعِ أَصْحَابِ مُحَمَّدٍ ﷺ، وَالكَفُّ عَمَّا شَجَرَ بَيْنَهُمْ.

dan; Kita mendoakan rahmat[35] buat sekalian para sahabat Muḥammad ﷺ, serta menahan diri daripada [masuk campur] segala apa yang berlaku dalam kalangan mereka,

[Pendirian Terhadap Sifat Allah ﷻ]

---

geraham kalian!" Kata al-Tirmidhī: hadis ini berstatus hasan sahih. Namun yang dimaksudkan dengan *al-Khulafā' al-Rāshidūn al-Mahdiyyūn* adalah para Sahabat sekaliannya, dan sesiapa yang membawa mesej Nabi ﷺ sehingga ke hari Kiamat.

[34] Sepuluh orang sahabat tersebut ialah:

1. Abū Bakr al-Ṣiddīq,
2. 'Umar bin al-Khaṭṭāb,
3. 'Uthmān bin 'Affān,
4. 'Alī bin Abū Ṭālib,
5. Ṭalḥaḥ bin 'Ubayd Allah,
6. Zubayr bin al-'Awwām,
7. 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf,
8. Sa'd bin Abū Waqqāṣ,
9. Sa'īd bin Zayd,
10. Abū 'Ubaydah al-Jarrāḥ.

[Direkodkan oleh Aḥmad bin Ḥanbal dalam al-Musnad, (1/193), al-Tirmidhī di dalam al-Jāmi' (no. 3747)]

[35] Sepertimana arahan Allah ﷻ dalam al-Qur'ān: "..dan mereka yang datang selepas selepas (generasi) mereka, semuanya berdoa: "wahai Tuhan kami, ampunkanlah kami serta saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam keimanan." [QS al-Ḥashr: ayat 10].

وَأَنَّ اللهَ ﷻ عَلَى عَرْشِهِ، بَائِنٌ مِنْ خَلْقِهِ، كَمَا وَصَفَ نَفْسَهُ فِي كِتَابِهِ، وَعَلَى لِسَانِ رَسُولِهِ ﷺ بِلَا كَيْفٍ. أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا: ﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَيْءٌۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ۝١١﴾ [سورة الشعراء: 11].

dan; Bahawasanya Allah ﷻ itu di atas Singgahsana[36]-Nya, berpisah daripada sekalian ciptaan-Nya, sepertimana yang Dia sifatkan untuk Diri-Nya sendiri dalam al-Qur'ān[37] dan melalui sabdaan utusan-Nya[38], tanpa bertanya bagaimana,

---

[36] Singgahsana, atau *al-'Arsh*, ialah ciptaan Allah yang paling agung, dan Allah sendiri menyifatkan ia dengan sifat keagungan dan kemuliaan. '*Arsh* merupakan suatu tempat tertinggi di atas langit ketujuh, ia ibarat kubah buat alam semesta. Allah meninggi di atasnya, terpisah daripada sekalian ciptaan-Nya dengan cara yang dikehendaki-Nya.

[37] Dalil daripada al-Qur'ān: QS Ṭāhā: ayat 5, QS al-Naḥl: 50, al-Ma'ārij: 3-4, al-Nisā' 157-158, QS al-Mulk: 16-17, dan banyak lagi. Lihat tafsiran para Salaf berhubung ayat-ayat ini.

[38] Dalil daripada sabdaan Nabi ﷺ pula antaranya adalah

- hadis Jāriyah yang direkodkan Muslim dalam al-Ṣaḥīḥ, bahawa baginda ﷺ menguji keimanan seorang hamba wanita dengan soalan "di manakah Allah?" Wanita tersebut menjawab, "**di [atas] langit**." Maka Nabi ﷺ mengakui keimanannya.
- Begitu juga tatkala Haji Perpisahan, Nabi ﷺ menunjukkan **jari telunjuk ke langit**, kemudian menunjuk kepada audiens sambil berkata, "Wahai Allah, persaksikanlah [penyaksian mereka ini]." Direkodkan oleh Muslim dalam al-Ṣaḥīḥ.
- Begitu juga sabdaan baginda ﷺ berkenaan para malaikat yang mengelilingi bumi, kemudian **naik bertemu Allah** ﷻ, sebagaimana yang direkodkan al-Bukhārī dalam al-Ṣaḥīḥ.

Telah berlaku ijmak (kesepakatan) dalam kalangan umat Islām berhubung pegangan ini, sebagaimana yang dinukilkan para imam berkenaan hal ini, semisal Isḥāq bin Rahawayh, (w. 238H), Qutaybah bin Sa'īd (w. 240H), 'Uthmān b. Sa'īd al-Dārimī (w. 280H), Zakariyyā al-Sājī (w. 307H), ibn Abī Zayd al-Qayrawānī (w. 386H), ibn Baṭṭah al-'Ukbarī (w. 387H), Abu 'Umar al-Ṭalamankī (w. 429H), Abu 'Uthmān al-Ṣābūnī (w. 449H), Abū Nu'aym al-Asbahānī (w. 430H), dan selain mereka. **Barangsiapa yang menyelisihi akidah ini, mereka telah menyelisihi akidah kaum Muslimin dari kalangan Sahabat, Tabiin, dan Tabi' Tabiin sekaliannya**.

ilmu-Nya meliputi segala sesuatu, “Tiada sesuatu apa pun yang seperti-Nya, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”, [QS al-Shu‘arā’: ayat 11]

[Melihat Allah ﷻ Di Akhirat]

وَأَنَّهُ – تَبَارَكَ وَتَعَالَى – يُرَى فِي الْآخِرَةِ، وَيَرَاهُ أَهْلُ الجَنَّةِ بِأَبْصَارِهِمْ وَيَسْمَعُونَ كَلَامَهُ؛ كَيْفَ شَاءَ، وَكَمَا شَاءَ.

dan; Allah ﷻ akan dilihat di akhirat kelak, dan penghuni Syurga akan melihat Allah ﷻ dengan pandangan mata mereka sendiri[39], serta akan mendengar kata-kata-Nya[40], dengan cara yang Dia kehendaki, sebagaimana yang Dia kehendaki,

---

[39] Dalilnya, firman Allah ﷻ,

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

“Wajah-wajah [orang beriman] pada hari itu (hari Kiamat] bersinar-sinar, mereka memandang **kepada** Tuhan mereka.” [QS al-Qiyāmah: ayat 22-23]

كَلَّآ إِنَّهُمْ عَن رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّمَحْجُوبُونَ ﴿١٥﴾

“Sekali-kali tidak! Sesungguhnya mereka (orang-orang kafir) pada hari itu (hari Kiamat) terhijab dari Tuhan mereka.” [QS al-Muṭaffifīn: ayat 15] Maka orang beriman tidak terhijab dan akan melihat **kepada** Tuhan-nya.

Nabi ﷺ bersabda, “Sesungguhnya kalian akan **melihat Tuhan kalian sebagaimana kalian melihat bulan ini**, tiada yang menyukarkan kalian dari melihat-Nya.” Direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam al-Ṣaḥīḥayn.

[40] Nabi ﷺ bersabda, “Tidak ada seorang pun dari kalian, melainkan **Allah ﷻ akan berkata-kata kepadanya [pada hari Kiamat], tiada yang menterjemah antara kalian dan Allah**.” Direkodkan al-Bukhārī dan Muslim dalam al-Ṣaḥīḥayn.

[Pendirian Terhadap Hari Akhirat]

وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ حَقٌّ؛ وَهُمَا مَخْلُوقَتَانِ، لَا تَفْنِيَانِ أَبَدًا، وَالجَنَّةُ ثَوَابٌ لِأَوْلِيَائِهِ، وَالنَّارُ عِقَابٌ لِأَهْلِ مَعْصِيَتِهِ؛ إِلَّا مَنْ رَحِمَ اللهُ ﷻ.

dan; Syurga dan Neraka itu adalah benar hakiki[41], kedua-duanya adalah ciptaan Allah, dan kedua-duanya tidak akan binasa buat selama-lamanya.

Syurga ialah ganjaran baik buat para wali[42]-Nya, manakala Neraka pula ialah balasan buruk buat golongan yang bermaksiat kepada-Nya – kecuali sesiapa yang dirahmati oleh Allah ﷻ,

وَالصِّرَاطُ حَقٌّ.

dan; *al-Ṣirāṭ* (Ms: titian)[43] itu benar hakiki,

وَالْمِيزَانُ – الَّذِي لَهُ كِفَّتَانِ، تُوزَنُ فِيهِ أَعْمَالُ العِبَادِ حَسَنُهَا وَسَيِّئُهَا – حَقٌّ.

dan; *al-Mīzān* (Ms: timbangan)[44] – yang mempunyai dua dacing, yang mana amalan-amalan para hamba, sama ada yang baik atau yang buruk akan ditimbang dengannya – itu benar hakiki,

---

[41] Dan telah wujud.

[42] Wali: Orang-orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah ﷻ, sebagaimana yang Allah sifatkan dalam al-Quran,

[43] Titian, atau jambatan hakiki yang menghubungkan antara tempat perkumpulan manusia untuk dihisab amal mereka dengan syurga, di bawahnya ialah lembah api neraka. Semoga Allah melancarkan perjalanan kita menuju Syurga-Nya.

[44] Timbangan, ibarat dacing yang digunakan oleh Allah untuk menimbang keberatan amal perbuatan sekalian manusia, menurut keadilan & kebijaksanaan, serta sifat kasih-sayang daripada Allah.

وَالْحَوْضُ الْمُكْرَمُ بِهِ نَبِيُّنَا ﷺ حَقٌّ.

dan; *al-Ḥawḍ*[45] yang Nabī kita ﷺ dimuliakan dengannya itu benar hakiki,

[Pendirian Berkenaan Syafaat Nabi ﷺ]

وَالشَّفَاعَةُ حَقٌّ، وَأَنَّ نَاسًا مِنْ أَهْلِ التَّوْحِيدِ يَخْرُجُونَ بِالشَّفَاعَةِ حَقٌّ.

dan; syafaat Nabi ﷺ[46] itu benar hakiki. Dan bahawasanya sekumpulan manusia daripada ahli *Tawḥīd* akan keluar daripada neraka kerana memperoleh syafaat itu adalah benar hakiki,

[Pendirian Berkenaan Azab Kubur]

وَعَذَابُ القَبْرِ حَقٌّ، وَمُنْكَرُ وَنَكِير حَقٌّ، وَالكِرَامُ الكَاتِبُونَ حَقٌّ.

dan; Azab kubur itu benar hakiki, dan; malaikat Munkar dan Nakīr[47] itu benar hakiki, dan; malaikat *al-Kirām al-Kātibūn* (Ms: para pencatatat yang mulia)[48] itu benar hakiki,

---

[45] Ia adalah Telaga yang dikurniakan Allah ﷻ buat Nabi Muḥammad ﷺ di hari kiamat kelak sebagai bentuk pemuliaan untuk baginda. Yang disebut al-Kawthar itu adalah sungai yang menghubungkan di antara sungai Syurga dan Telaga Nabi ﷺ. Allah lebih mengetahui.

[46] Pertolongan yang Allah izinkan kepada setiap Nabi, Rasul, atau sesiapa dalam kalangan manusia yang dikehendaki oleh Allah, untuk menyelamat sesiapa yang Allah redai daripada azab neraka, lantas memasukkan mereka ke dalam syurga. Syafaat apabila disebut secara umum – seperti di sini – adalah merujuk kepada syafaat Nabi Muḥammad secara khusus.

[47] Dua malaikat yang bengis lagi menggerunkan yang bakal menyoal manusia di dalam kuburnya, setelah ahli keluarga dan sesiapa yang mengebumikannya beredar selepas urusan pengebumiannya. Mereka berdua menyoal berkenaan Tuhan, agama serta Nabi-Nya.

[48] Malaikat-malaikat yang ditugaskan untuk sentiasa bersama manusia dan mencatat segala amal perbuatan. sebagaimana yang dinyatakan Allah ﷻ dalam firman-Nya,

وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَٰفِظِينَ ﴿١٠﴾ كِرَامًا كَٰتِبِينَ ﴿١١﴾ يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ ﴿١٢﴾

[Kebangkitan Selepas Mati]

وَالبَعْثُ مِنْ بَعْدِ الْمَوْتِ حَقٌّ.

dan; Kebangkitan setelah kematian itu benar hakiki,

[Pendirian Terhadap Pelaku Dosa Besar]

وَأَهْلُ الكَبَائِرِ فِي مَشِيئَةِ اللهِ ﷻ. وَلَا نُكَفِّرُ أَهْلَ القِبْلَةِ بِذُنُوبِهِمْ، وَنَكِلُ سَرَائِرَهِمْ إِلَى اللهِ ﷻ.

dan; Para pelaku dosa-dosa besar adalah berada dalam kehendak Allah ﷻ.[49] Kita sama sekali tidak men*g*hukumkan ahli kiblah[50] sebagai kafir kerana dosa-dosa yang mereka lakukan. Kita menyerahkan apa yang tersempunya pada diri mereka kepada Allah ﷻ,

---

"Dan sesungguhnya tapat para penjaga yang mengawasi kalian. Mereka adalah para pencatat amalan yang mulia. Mereka mengetahui segala apa yang kalian lakukan." [QS al-Infiṭār: ayat 10-12] Mereka bersifat *raqīb* (sentiasa dekat dan bersama manusia) dan *'atīd* (sentiasa bersedia dalam setiap keadaan, tidak pernah leka).

[49] Terpulang kepada Allah ﷻ mahu mengazab mereka kerana keadilan-Nya, atau boleh sahaja Dia mengampunkan mereka kerana kasih sayang-Nya. Dan terkecuali dari dosa tersebut adalah syirik yang mengeluarkan seseorang dari agama, seperti menyembah kubur, dan mengiktiraf ada syariat lain yang lebih baik, atau sama baik dengan syariat Allah ﷻ.

[50] Iaitu orang yang mentauhidkan Allah serta bersolat menghadap kepada kiblat yang sama (Kaabah), dengan solat yang sama, dan makan sembelihan yang sama. Adapun sebahagian pelampau Sufi yang menyembah dan berdoa kepada kubur, serta golongan Shī'ah Rāfiḍah yang berpengkalan di Iran hari ini, mereka bukanlah ahli kiblah, bahkan mereka adalah musyrik penyembah berhala.

[Jihad dan Ḥaji]

وَنُقِيمُ فَرْضَ الجِهَادِ وَالحَجِّ مَعَ أَئِمَّةِ المسْلِمِينَ، فِي كُلِّ دَهْرٍ وَزَمَانٍ. وَلَا نَرَى الخُرُوجَ عَلَى الأَئِمَّةِ، وَلَا القِتَالَ فِي الفِتْنَةِ. وَنَسْمَعُ وَنُطِيعُ لِمَنْ وَلَّاهُ اللهُ ﷻ أَمْرَنَا، وَلَا نَنْزَعُ يَدًا مِنْ طَاعَةٍ.

dan; Kita menegakkan kewajipan jihād dan perlaksanaan haji bersama para pemimpin orang-orang Islām pada setiap era dan zaman.

Kita sama sekali tidak berpendapat untuk keluar melawan para pemimpin. Dan, kita juga tidak berpendapat akan harusnya untuk berperang dalam situasi *fitnah*[51].

Kita mendengar dan mematuhi perintah sesiapa yang Allah ﷻ telah berikan kekuasaan untuk memimpin urusan kita, dan kita sama sekali tidak akan melepaskan janji setia kita daripada mentaati mereka.

---

[51] Yang dimaksudkan dengan situasi fitnah adalah tatkala berlaku perang saudara dalam kalangan kaum muslimin, sehingga tidak diketahui di pihak siapakah kebenaran itu berada; Sebagaimana yang berlaku dalam perang Jamal (kem Alī lwn. kem ‘Ā’ishah) dan perang Ṣiffīn (kem ‘Alī lwn. kem Mu‘āwiyah).

Pendirian ahli al-Sunnah dalam situasi ini ialah berkecuali dan tidak menyertainya. Dr. ‘Alī al-Ṣayyāḥ memiliki sebuah penulisan yang baik, *Mawqif al-Salaf ‘ind al-Fitan*; *Muṭarrif Namūdhujan* (Ms: Pendirian Salaf dalam Perang Fitnah; Mutarrif Sebagai Sampel). Penterjemah mencadangkan saudara pembaca yang menguasai bahasa Arab untuk membacanya, atau lebih baik, menterjemahkannya.

وَأَنَّ الجِهَادَ مَاضٍ مُنْذُ بَعَثَ اللهُ ﷻ نَبِيَّهُ ﷺ إِلَى قِيَامِ السَّاعَةِ، مَعَ أُولِي الأَمْرِ مِنْ أَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ، لَا يُبْطِلُهُ شَيْءٌ. وَالْحَجُّ كَذَلِكَ.

Dan bahawasanya [kewajipan] jihād itu kekal berlangsung sejak Allah membangkitkan utusan-Nya sehingga hari kiamat kelak, Bersama orang-orang yang telah diberi kuasa oleh Allah dari kalangan pimpinan kaum Muslimin. Tiada suatu apa pun yang boleh membatalkan kewajipan jihād, dan begitu juga dengan kewajipan haji.

وَدَفْعُ الصَّدَقَاتِ مِنَ السَّوَائِمِ إِلَى أُولِي الأَمْرِ مِنْ أَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ.

dan; Dan kita berpendapat untuk menyerahkan sedekah-sedekah[52] dari haiwan-haiwan gembalaan kepada pemimpin daripada pimpinan orang-orang Islām.

[52] Sedekah di sini bererti zakat.

[al-Sunnah dan Bidaah]

وَنَتَّبِعُ السُّنَّةَ وَالجَمَاعَةَ، وَنَجْتَنِبُ الشُّذُوذَ والخِلَافَ والفُرْقَةَ.

Kita menuruti *al-Sunnah* dan *al-Jamā'ah*, serta menghindari sebarang kejanggalan (dalam urusan keagamaan) serta perpecahan dan perselisihan.

وَالنَّاسُ مُؤْمِنُونَ فِي أَحْكَامِهِمْ وَمَوَارِيثِهِمْ، وَلَا نَدْرِي مَا هُمْ عِنْدَ اللهِ ﷻ.

Dan, setiap individu yang menzahirkan keislaman mereka adalah dianggap sebagai orang yang beriman dalam urusan berhubung hukum-hakam dan pewarisan harta mereka. Kita tidak mengetahui hakikat sebenar mereka di sisi Allah ﷻ.

فَمَنْ قَالَ: إِنَّهُ مُؤْمِنٌ حَقًّا، فَهُوَ مُبْتَدِعٌ. وَمَنْ قَالَ: إِنَّهُ مُؤْمِنٌ عِنْدَ اللهِ، فَهُوَ مِنَ الكَاذِبِينَ. وَمَنْ قَالَ: إِنِّي مُؤْمِنٌ بِاللهِ حَقًّا، فَهُوَ مُصِيبٌ.

Barangsiapa yang mengatakan bahawa dirinya merupakan seorang mukmin yang sebenar (yang sempurna keimanannya), maka dia merupakan seorang *ahli bidaah.*[53]

Barangsiapa yang mengatakan bahawa dirinya seorang yang beriman (dengan iman yang sempurna) di sisi Allah, maka dia termasuk dalam golongan pendusta.[54]

Dan barangsiapa yang berkata: "Sesungguhnya saya seorang yang beriman kepada Allah", maka dia seorang yang tepat (dalam perkataannya itu).

[Kelompok-kelompok Ahli Bidaah]

---

[53] Kerana ahli al-Sunnah tidak akan mengakui keimanan mereka sempurna seperti iman para Nabi dan malaikat. Hanya ahli bidaah semisal Murji'ah dan Khawārij yang akan mengakui sedemikian.

[54] Kerana tiada sesiapa yang mengetahui status keimanan mereka di sisi Allah ﷻ.

وَالْمُرْجِئَةُ مُبْتَدِعَةٌ ضُلَّالٌ.

dan; kelompok al-Murjiah[55] ialah golongan ahli bidaah lagi sesat.

وَالقَدَرِيَّةُ مُبْتَدِعَةٌ ضُلَّالٌ، وَمَنْ أَنْكَرَ مِنْهُمْ أَنَّ اللهَ ﷻ يَعْلَمُ مَا لَمْ يَكُنْ قَبْلَ أَنْ يَكُونَ، فَهُوَ كَافِرٌ.

dan; kelompok al-Qadariyyah[56] ialah golongan ahli bidaah lagi sesat. Dan sesiapa dari kalangan mereka yang mengingkari bahawa Allah ﷻ telah mengetahui sesuatu perkara sebelum perkara itu berlaku, maka dia telah kafir.

---

[55] *Murjiah* ialah pola pemikiran yang muncul pada kurun pertama Hijrah di Kūfah, dalam wilayah ʻIrāq, yang menyelisihi ahli al-Sunnah dalam soal ke*īmān*an. Mereka berpendapat bahawa *īmān* hanya terdiri daripada pengakuan hati sahaja, tanpa amal perbuatan. Antara kelompok yang berkongsi pemikiran ini adalah kelompok al-Jahmiyyah, majoriti al-Ashāʻirah dan al-Māturīdiyyah.

[56] **Qadariyyah** ialah kelompok yang menafikan al-Qadar yang muncul di kota Baṣrah di akhir era zaman sahabat yang menetap di sana. Pada peringkat awal kemunculan, mereka menafikan kesemua peringkat al-Qadar bermula dari peringkat ilmu lagi. Menurut mereka, Allah ﷻ tidak mengetahui sesuatu perkara melainkan setelah perkara itu berlaku. Mereka adalah kafir, kerana menisbahkan kebodohan kepada Allah, *subḥānaLlāh ʻammā yaqūlūn*.

Qadariyyah generasi seterusnya pula hanya menafikan peringkat kehendak (*al-Mashī'ah*) dan penciptaan dalam isu perbuatan manusia. Menurut mereka, Allah telah tahu segala yang manusia akan lakukan, namun mereka melakukannya tanpa kehendak-Nya, dan perbuatan manusia bukan ciptaan-Nya. Mereka adalah ahli bidaah [lihat: n.k. 28].

وَأَنَّ الجَهْمِيَّةَ كُفَّارٌ.

dan; bahawasanya kelompok al-Jahmiyyah[57] itu adalah orang-orang kafir.[58]

وَأَنَّ الرَّافِضَةَ رَفَضُوا الإِسْلَامَ.

dan; kelompok al-Rāfiḍah[59] pula hakikatnya mereka menolak Islām.[60]

وَالخَوَارِجُ مُرَّاقٌ.

dan; kelompok al-Khawārij[61] ialah orang-orang yang terkeluar daripada agama Islām.[62]

---

[57] **Jahmiyyah** dicetuskan oleh seorang tokoh bidaah yang bernama Jahm bin Ṣafwān, mereka percaya bahawa tuhan itu hanya zat yang wujud, tanpa nama dan sifat. Mereka senada dengan Murji'ah pada takrif iman, iaitu cukup sekadar mengetahui wujud Allah, maka telah lengkap imannya, meskipun tidak bersolat, dan menyembah kubur.

[58] Kerana menafikan kesemua sifat tuhan, justeru pemikiran mereka lebih hampir kepada ateisme (kepercayaan yang menafikan wujud tuhan, para Salaf menyebut mereka sebagai *mulḥid*) daripada teisme.

[59] **Rāfiḍah** ialah kelompok yang menghina para sahabat Nabi Muḥammad terutamanya para sahabat yang berkonflik dengan *Amīr al-Mu'minīn* 'Alī bin Abū Ṭālib, seperti Mu'awiyah bin Abū Sufyān, 'Amrū bin al-'Āṣ, dll bahkan mereka-reka cerita pergaduhan antara ahli bayt dengan 'Ā'ishah, Abū Bakr al-Ṣiddīq, 'Umar bin al-Khaṭṭāb, 'Uthmān bin 'Affān, dll sahabat lantas memusuhi & mencaci-maki mereka atas tuduhan memusuhi ahli bayt, serta mengkhianati amanat Rasulullah agar melantik 'Alī sebagai *khalīfah* setelah baginda wafat. Akidah ini dipelopori oleh kelompok Shī'ah sama ada dahulu ataupun kini.

[60] Kerana mereka mengkafirkan majoriti para Sahabat yang merupakan golongan yang menyampaikan agama ini kepada generasi seterusnya. Jika mereka ini kafir, sebagaimana yang difitnah oleh Rāfiḍah, maka apakah lagi yang berbaki pada agama ini?

[61] **Khawārij** ialah kelompok yang memberontak daripada blok *Amīr al-Mu'minīn* 'Alī bin Abū Ṭālib, mereka meng*kāfir*kan keseluruhan sahabat Nabi yang terlibat dengan proses *taḥkīm* untuk perdamaian, kerana dianggap bertentangan dengan hukum Allah ke atas pesalah *bughāh.* Kelompok ini melakukan *takfīr* (menghukum orang lain

[Status al-Qur'ān[63]]

وَمَنْ زَعَمَ أَنَّ القُرْآنَ مَخْلُوقٌ فَهُوَ كَافِرٌ بِاللهِ العَظِيمِ، كُفْرًا يَنْقُلُ عَنِ الْمِلَّةِ. وَمَنْ شَكَّ فِي كُفْرِهِ مِمَّنْ يَفْهَمُ، فَهُوَ كَافِرٌ.

dan; Barangsiapa yang mendakwa bahawa al-Qur'ān merupakan ciptaan, maka dia telah kafir kepada Allah yang Maha Agung dengan kekufuran yang mengeluarkan dirinya daripada agama Islām.

Dan barangsiapa yang merasa ragu terhadap kekufurannya dalam keadaan dia memahami isu, maka dia juga turut kafir.

وَمَنْ شَكَّ فِي كَلَامِ اللهِ ﷻ، فَوَقَفَ شَاكًّا فِيهِ، يَقُولُ: لَا أَدْرِي مَخْلُوقٌ أَوْ غَيْرُ مَخْلُوقٍ، فَهُوَ جَهْمِيٌّ.

Barangsiapa yang ragu berkenaan status *kalām* Allah (al-Qur'ān), maka dia mengambil jalan selamat berkenaannya kerana ragu, dengan berkata: "Saya tidak tahu, sama ada *kalām* Allah itu makhluk atau bukan makhluk", maka dia seorang *Jahmiyyah*.[64]

---

sebagai kāfir) menurut hawa nafsu mereka, dan memerangi orang-orang di*takfīr* itu, membunuh mereka dan merampas harta-harta mereka. Mereka fanatik dan taksub terhadap organisasi rekaan mereka dan menganggap organisasi mereka sebagai agama, serta memerangi sesiapa yang menyelisihi organisasi mereka atas dasar *ijtihād*. Kelompok ini meninggalkan jihād memerangi *kuffār* dan ahli syirik, namun memerangi ahli kiblat dan para pen*tawḥīd*."

[62] Sebagaimana yang disebutkan oleh Nabi ﷺ sendiri dalam hadis berkenaan Dhū al-Khuwayṣirah, "Mereka ini terkeluar dari agama sebagaimana anak panah terkeluar dari busurnya."

[63] Al-Quran yang dimaksudkan di sini adalah apa yang berada dalam mushaf, yang dibaca di lidah, dan dihafaz di dada-dada para penghafaz al-Qur'ān.

[64] Kerana telah jelas bahawa Kalām Allah merupakan sifat Allah, dan sifat Allah bukanlah makhluk. Seperti raḥmat Allah (belas kasihan Allah), ia bukanlah makhluk.

وَمَنْ وَقَفَ فِي الْقُرْآنِ جَاهِلًا، عُلِّمَ وَبُدِّعَ، وَلَمْ يُكَفَّرْ.

Barangsiapa yang berdiam diri berkenaan isu al-Qur'ān kerana kejahilan dirinya berkenaan isu ini, maka dia harus diajar dan dihukum bidaah sahaja; namun tidak dikafirkan.

وَمَنْ قَالَ: لَفْظِي بِالْقُرْآنِ مَخْلُوقٌ، فَهُوَ جَهْمِيٌّ، أَوْ قَالَ: الْقُرْآنُ بِلَفْظِي مَخْلُوقٌ فَهُوَ جَهْمِيٌّ.

Manakala sesiapa yang mengatakan: "Lafazku terhadap al-Qur'ān ialah makhluk", maka dia seorang Jahmiyyah[65], atau dia mengatakan: "al-Qur'ān (yang dibaca) melalui lisanku ialah makhluk", maka dia seorang Jahmiyyah.[66]

---

[65] Kerana perkataan *lafẓ* dalam bahasa Arab merupakan *maṣdar* (kata ambilan) yang boleh membawa maksud *lāfiẓ* (Ms: yang melafazkan, iaitu manusia) ataupun *malfūẓ* (Ms: yang dilafazkan, iaitu al-Qur'ān). Jika yang dimaksudkan adalah *lāfiẓ*, maka benar. Jika maksudnya adalah *malfūẓ*, maka ia adalah batil.

Sebenarnya perkataan ini dikemukakan oleh orang-orang Muktazilah yang mahu mengatakan al-Qur'ān itu makhluk, namun tidak berani menyebutnya secara jelas kerana takut dikecam. Justeru mereka menggunakan perkataan yang boleh menimbulkan keraguan dan mempunyai dua makna (En: *ambiguous*) untuk mengaburi orang Islām. Namun, alhamdulillah, para ulama ahli al-Sunnah berjaya mendiagnos kesesatan ini.

[66] Bahkan ia adalah kata-kata Allah yang merupakan sifat-Nya, bukan makhluk. Golongan al-Ashā'irah beriman bahawasanya al-Qur'ān yang kita baca ini bukanlah kata-kata Allah, bahkan ia adalah makhluk. Sebahagian mereka berpendapat ia kata-kata Jibril, dan sebahagian mereka menganggap ia kata-kata Nabi Muḥammad ﷺ. Pendapat ini tanpa ragu lagi adalah kesesatan yang nyata. Imam Abū Sa'īd al-Sijzī (w. 444H) telah pun membantah pegangan ini dalam Risalah ilā ahli Zabīd, begitu juga Shaykh al-Islām ibn Taymiyyah (w. 728H) telah mengemukakan 90 hujah bagi membuktikan kebatilan akidah al-Ashā'irah ini dalam bukunya, al-Tis'īniyyah.

[Ciri-ciri Ahli Bidaah]

قَالَ أَبُو مُحَمَّدٍ: وَسَمِعْتُ أَبِي يَقُولُ:

((وَعَلَامَةُ أَهْلِ البِدَعِ: الوَقِيعَةُ فِي أَهْلِ الأَثَرِ.

وَعَلَامَةُ الزَّنَادِقَةِ: تَسْمِيَتُهُمْ أَهْلَ السُّنَّةِ: حَشَوِيَّةً، يُرِيدُونَ إِبْطَالَ الآثَارِ.

وَعَلَامَةُ الجَهْمِيَّةِ: تَسْمِيَتُهُمْ أَهْلَ السُّنَةِ: مُشَبِّهَةً.

وَعَلَامَةُ القَدَرِيَّةِ: تَسْمِيَتُهُمْ أَهْلَ الأَثَرِ: مُجْبِرَةً.

وَعَلَامَةُ الْمُرْجِئَةِ: تَسْمِيَتُهُمْ أَهْلَ السُّنَّةِ: مُخَالِفَةً وَنُقْصَانِيَّةً.

وَعَلَامَةُ الرَّافِضَةِ: تَسْمِيَتُهُمْ أَهْلَ السُّنَّةِ: نَاصِبَةً.

وَلَا يَلْحَقُ أَهْلَ السُّنَّةِ إِلَّا اسْمٌ وَاحِدٌ، وَيَسْتَحِيلُ أَنْ تَجْمَعَهُمْ هَذِهِ الأَسْمَاءُ.))

Ibn Abī Ḥātim berkata: Saya mendengar bapa saya, Abū Ḥātim berkata:

- "Dan ciri-ciri ahli bidaah adalah gemar menyerang ahli *athar*[67]. [68]
- Ciri-ciri orang-orang zindik[69] adalah mereka melabel ahl al-Sunnah dengan nama "Ḥashawiyyah[70]", tujuan mereka melabel sedemikian adalah supaya *āthār* (al-Sunnah) kelihatan lekeh.[71]

---

[67] Ahli *athar* adalah nama lain bagi ahli al-Sunnah. Dinamakan ahli *athar* kerana kuatnya ahli al-Sunnah berpegang dengan *athar-athar* (kesan-kesan peninggalan, seperti akidah dan syariat) Rasulullah ﷺ, para sahabat dan para Salaf. Turut disebut *atharī*.

[68] Benar sekali, ahli bidaah begitu benci sekali terhadap ahli al-Sunnah, melabelnya dengan bermacam-macam labelan, menuduh ahli al-Sunnah dengan fitnah seperti *tajsim*, *tashbih*, benci Nabi, wahhabi, dan sebagainya. Ciri-ciri ini ternyata berjaya dikesan oleh para Salaf pada zaman awal Islām lagi.

[69] Zindik: orang yang imannya telah terpesong, orang yang sesat (tidak percaya akan agama Allah yangg sebenarnya); berzindik bertindak menyimpang drpd suruhan agama, berbuat zindik: mereka yg murtad, yg rajin ~. [**Kamus Dewan Edisi Keempat**]

- Ciri-ciri kelompok Jahmiyyah ialah mereka melabel ahli al-Sunnah dengan nama "Mushabbihah[72]",
- Ciri-ciri kelompok al-Qadariyyah ialah mereka melabel ahli al-Sunnah dengan nama "Jabriyyah[73]",

---

[70] *Ḥashawiyyah* berasal daripada perkataan *ḥashw* [حشو] yang bererti: kosong, yang tiada nilai padany, perkara sama berulang tanpa sebarang penambahan (*redundancy*).

Label ini diberikan oleh orang-orang zindik dari kalangan ahli falsafah dan ahli Kalām kepada ahli al-Sunnah, kerana mereka menyangka bahawa ahli al-Sunnah itu semata-mata berpegang pada *athar* sahaja, langsung tidak memiliki mantik dan epistimologi dalam perbahasan akidah. Sehingga sebahagian mereka menuduh sebahagian para sahabat dengan label ini. Label ini berterusan diamalkan oleh ahli Kalām kepada ahli al-Sunnah dalam buku-buku mereka. *'alayhim minAllah mā yastaḥiqqūn*, Semoga Allah membalas mereka dengan selayaknya.

[71] Ini yang disebut *tamwīh* dan *istibshā*', satu taktik klise ahli bidaah dalam menyerang ahli al-Sunnah. Mereka menuduh ahli al-Sunnah sebagai literalis, tidak menggunakan akal, menafikan kedudukan akal, hanya berpada pada zahir nas sahaja. Sedangkan tujuan mereka menuduh sedemikian adalah bagi menampakkan kepada orang awam seolah-olah ahli al-Sunnah ini lekeh dan sesat. Hakikatnya ahli al-Sunnah sangat memuliakan akal, dan meletakkan akal pada kedudukan yang selayaknya [lihat: n.k. 68].

[72] Jahmiyyah adalah puak yang menafikan sifat bagi Allah [lihat n.k. 57]. Justeru apabila ahli al-Sunnah membantah mereka dengan menyatakan bahawa Allah memiliki sifat sebagaimana yang Dia khabarkan melalui al-Qur'ān, dan wahyukan kepada lidah Muḥammad ﷺ, Jahmiyyah melakukan taktik *tamwīh* terhadap ahli al-Sunnah dengan melabel mereka sebagai Mushabbihah, iaitu golongan yang menyamakan Allah dengan makhluk – semata-mata kerana ahli al-Sunnah menetapkan sifat kepada Allah.

Sedang ahli al-Sunnah sama sekali tidak pernah menyamakan hakikat sifat Allah dengan sifat makhluk. Dan tuduhan yang sama dilemparkan sebahagian al-Ashā'irah kepada ahli al-Sunnah, kerana betapa samanya sebahagian iktikad mereka dengan iktikad Jahmiyyah dalam menafikan sifat, dan mentakwilkan apa yang dinyatakan dalam al-Qur'ān dan hadis.

[73] Jabriyyah merujuk kepada golongan yang berpendapat bahawa manusia hidup dalam keadaan terpaksa dan dipaksa oleh Allah sepenuhnya menurut takdir-Nya tanpa perlu usaha manusia itu sendiri. Kepercayaan ini bertentangan dengan *sunnatuLlāh*

- Ciri-ciri kelompok *al-Murjiah* ialah mereka melabelkan ahli al-Sunnah dengan label *Mukhālifah*[74] *Nuqṣāniyyah*[75].
- Ciri-ciri kelompok *Rāfiḍah* adalah mereka melabelkan ahli al-Sunnah dengan label *Nāṣibah*[76].

Sedangkan ahli al-Sunnah itu tidak disertakan dengan apa-apa gelaran selain nama yang satu, dan mustahil untuk terkumpul nama-nama ini bagi mereka!"

(susunan Allah terhadap hukum alam) dan kepercayaan ahli al-Sunnah yang mewajibkan untuk berpegang dengan sebab bagi mendapatkan sesuatu.

[74] Mukhālifah (Ms: golongan penyelisih), kerana kononnya ahli al-Sunnah menyelisihi akidah yang benar menurut mereka.

[75] Nuqṣāniyyah (Ms: golongan yang berkurang), kerana ahli al-Sunnah mengimani iman itu boleh bertambah dan berkurang. Mereka sengaja memilih berkurang dari bertambah sebagai label untuk ahli al-Sunnah, atas tujuan *tamwīh* dan *istibshā'* [lihat: n.k. 71].

[76] Nāṣibah ialah kelompok yang membenci ahli *bayt* (keluarga Nabi Muḥammad) atas dasar konflik kekeluargaan, kepimpinan dll sebab duniawi. Label ini diberikan kepada ahli al-Sunnah atas tujuan *tamwīh* dan *istibshā*' jua. Sedangkan ahli al-Sunnah amat mencintai keluarga Nabi dan para sahabat baginda, malah mengiringi sebutan dua golongan ini dalam selawat ke atas junjungan Nabi. *Allahumma ṣalli 'alā Muḥammad wa 'alā ālih!*

[Memboikot Ahli Bidaah]

قَالَ أَبُو مُحَمَّدٍ:

وَسَمِعْتُ أَبِي وَأَبَا زُرْعَةَ يَأْمُرَانِ بِهِجْرَانِ أَهْلِ الزَّيْغِ وَالبِدَعِ، وَيُغَلِّظَانِ فِي ذَلِكَ أَشَدَّ التَّغْلِيظِ. وَيُنْكِرَانِ وَضْعَ الكُتُبِ بِرَأْيٍ فِي غَيْرِ آثَارٍ. وَيَنْهَيَانِ عَنْ مُجَالَسَةِ أَهْلِ الكَلَامِ، وَعَنِ النَّظَرِ فِي كُتُبِ الْمُتَكَلِّمِينَ، وَيَقُولَانِ: لَا يُفْلِحُ صَاحِبُ كَلَامٍ أَبَدًا.

Kata ibn Abī Ḥātim,

"Dan saya mendengar bapa saya dan Abū Zur'ah menyuruh untuk memboikot orang-orang yang menyimpang dari jalan kebenaran dan juga memboikot ahli bidaah. Mereka berdua amat menitikberatkan berkenaan perkara ini dengan benar-benar serius.

Mereka berdua juga mengingkari penulisan buku-buku yang ditulis atas dasar pendapat peribadi tanpa *āthār*.[77] Dan mereka berdua melarang daripada duduk sama menyertai majlis ahli Kalām[78] dan membaca buku-buku kelompok *al-Mutakallimīn*. Mereka berdua berkata, "ahli Kalām sama sekali tidak akan berjaya selama-lamanya."[79]."

---

[77] Demikianlah sifat buku-buku ahli Kalām daripada semua aliran – Muktazilah, Ashā'irah dan Māturīdiyyah –: hampir-hampir kosong daripada hadis-hadis Nabi ﷺ dan athar para Salaf.

[78] Ahli Kalām, disebut juga *mutakallimīn* adalah kelompok rasionalis dan pro-logika yang cuba mengharmonikan antara agama Islām dengan kepercayaan dan kaedah-kaedah Falsafah, sama ada aliran Falsafah Timur atau Barat, untuk membantah ahli Falsafah yang jelas menentang asas agama, *nubuwwāt* dan magis ketuhanan. Antara tokoh ahli Kalām yang dirujuk oleh dunia kesarjanaan Islām kini ialah al-Fakhr al-Rāzī (m. 606H), Abu Ḥāmid al-Ghazālī (m. 505H), Abū Manṣūr al-Māturīdī (m. 333H) dll tokoh 'Ashā'irah-Matúridiyyah secara umumnya merupakan golongan ahli Kalām.

[79] Demikian juga yang dikatakan Imam Aḥmad. Mereka tidak akan berjaya dalam mengenal Allah dengan keyakinan yang 100%, bahkan banyak tokoh-tokoh ahli Kalām yang bertaubat daripada ilmu Kalām-nya, dan kembali kepada akidah orang awam, *wal-Ḥamdulillāh Rabb al-'Ālamīn*.

[Pendirian Para Perekod Kitab Ini]

قَالَ الْإِمَامُ أَبُو مُحَمَّدٍ بْنُ أَبِي حَاتِمٍ: وَبِهِ أَقُولُ أَنَا.

Abū Muḥammad ibn Abī Ḥātim berkata, “Dan dengannya[80] saya berpegang.”

قَالَ أَبُو عَلِيّ ابن حُبَيشٍ: وَبِهِ أَقُولُ.

Abū ‘Alī ibn Ḥubaysh[81] berkata, “Dan saya juga berpegang dengannya.”

قَالَ شَيْخُنَا أَبُو الْمُظَفَّر: وَبِهِ أَقُولُ.

[al-Lālakā’ī berkata,] dan guru kami Abū al-Muẓaffar berkata, “Dan saya juga berpegang dengannya.”

قَالَ شَيْخُنَا – يعني الْمُصَنِّفَ –: وَبِهِ أَقُولُ.

[al-Ṭuraythīthī berkata,] dan guru kami (al-Lālakā’ī), “Dan saya juga berpegang dengannya.”

قَالَ الطُّرَيْثِيثِيّ: وَبِهِ أَقُولُ.

al-Ṭuraythīthī[82] berkata, “Dan saya juga berpegang dengannya.”

---

[80] Iaitu dengan apa yang dipegang oleh sekalian ahli hadis yang dinyatakan dalam buku ini.

[81] Beliau adalah antara perekod kitab ini [lihat: n.k. 23]. Namanya al-Ḥusayn bin Muhammad bin Ḥibsh bin Ḥamdān al-Muqrī al-Dīnawārī. Al-Dhahabi berkata, “Dia ini boleh dipercayai dan dipegang.” Ibn al-Jazarī berkata tentangnya, “Dia ini bijak, *ḍābiṭ* (sangat menjaga riwayat) dan *mutqin* (memiliki penguasaan ilmu yang baik).”

[82] Beliau adalah antara perekod kitab ini [lihat: n.k. 23]. Namanya Aḥmad bin ‘Alī bin al-Ḥusayn al-Ṭuraythīthī, Abū Bakr. Dikenali sebagai ibn Zahrā’. Seorang guru Sufi yang zuhud. Kata al-Silafī, “Dalam kalangan para Sufi, dia inilah yang saya perhatikan paling mulia.” Wafat pada tahun 497H.

قَالَ شَيْخُنَا السِّلَفِيّ: وَبِهِ نَقُولُ.

[al-Ruhāwī[83] berkata,] dan guru kami al-Silafī[84] berkata, "Dan **kami** berpegang dengannya."

قُلْنَا: وَبِهِ نَقُولُ وَنَعْتَقِدُ، والْحَمْدُ لِلَّهِ.

Kami, penterjemah dan penyemak berkata, "Dan kami juga berpegang dan beriktikadkan dengannya, *alḥamdulillāh*."

[83] Beliau adalah antara perekod kitab ini [lihat: n.k. 23]. Namanya 'Abd al-Qādir bin 'Abd Allah bin 'Abd Allah al-Ruhāwī al-Ḥanbalī al-Saffār. Ibn Nuqṭah berkata berkenaan beliau, "Beliau alim, dipercayai, boleh diharap, dan soleh." Terdapat banyak pujian ke atas beliau dari kalangan para ulama. Wafat di Ḥarrān, Turki [kini], pada 12 Jamadil Awal 612H.

[84] Beliau adalah antara perekod kitab ini [lihat: n.k. 23]. Namanya Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad, Abū Ṭāhir al-Silafī. Seorang ahli hadis yang masyhur di sisi ahli hadis yang lainnya. Wafat pada tahun 576H.

Segala puji bagi Allah, telah tamat *taḥrīr* dan *taswīd* Jilā' al-'Aynayn, pada waktu Ḍuḥā, 12 Jumādā I, 1441H, bersamaan 7 Januari, 2020M. Semoga Allah memberkati usaha kami, dan memperbetulkan setiap langkah kami. *Wallāh Waliyy al-Tawfīq*.